



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2016/11/99 (HQ)

1,000 POKOK BAKAU UNTUK PROGRAM *TREE FOR A TREE* TNB

Menyedari kepentingan aspek pemeliharaan dan penghijauan alam sekitar, TNB meneruskan inisiatif tanggungjawab korporat berkaitan alam sekitarnya melalui Program *Tree for a Tree* dengan menanam 1,000 pokok bakau di Kampung Sungai Aceh, Nibong Tebal, Pulau Pinang hari ini.

Penganjuran program ini mula diperkenalkan pada 2015 dengan mensasarkan 12,000 pokok daripada lebih 38 spesies ditanam di taman-taman awam sehingga hujung tahun ini.

Setakat ini, TNB telah menanam sejumlah 7,460 pokok yang melibatkan tujuh buah taman-taman awam yang terletak di Pahang, Melaka, Perlis, Kuala Lumpur, Kedah, Negeri Sembilan dan Terengganu. Sementara itu, baki pokok-pokok akan ditanam di empat lagi taman awam yang sudah dikenal pasti iaitu Johor, Selangor, Perak dan Kelantan.

Berucap di Majlis perasmian *Tree for a Tree* di sini, Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat & Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin berkata, TNB sentiasa mengutamakan aspek pemeliharaan persekitaran dan penghijauan dalam projek pembinaan stesen-stesen janaelektrik serta talian penghantarannya.

“Semua ini menzahirkan komitmen TNB dalam menyahut seruan kerajaan ke arah pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.”

Program kali ini dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Dr. Mohamad Farazi Johari. Lebih 240 orang sukarelawan yang terdiri daripada pelajar Politeknik Seberang Perai, belia daripada Pusat Khidmat Penyelaras Adun Sungai Aceh dan penduduk berhampiran mengambil bahagian dalam program ini.

Turut hadir, Pengarah, Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Rusli Tahir, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Dato' Maimunah Mohd Sharif dan Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan, Mohd Ali Haji Sebran.

Program *Tree for a Tree* adalah kerjasama TNB dengan agensi-agensinya kerajaan negeri dan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA).

Dikeluarkan di Nibong Tebal, Pulau Pinang pada 26 November, 2016

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /

Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /

Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)

media@tnb.com.my